

PENGAJIAN TINGGI ERA GLOBALISASI: FALSAFAH, INTEGRITI DAN ASPIRASI

*Abdul Jabbar Abdullah
dan
Yaacob Yusoff Awang*

Subtheme: The Internalisation of Education

Abstrak

Sektor pendidikan memang mempunyai kaitan langsung dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara khususnya dalam membangunkan modal manusia yang akan menjadi aset utama pembangunan. Modal manusia sering dirujuk sebagai sumber produktiviti dan pertumbuhan output sesebuah negara dan dengan itu permintaan terhadap pendidikan tinggi berkembang pesat dan mengalami perubahan mendadak. Secara tradisinya, malah dalam Islam dan pemikiran Konfusianism pun, pendidikan tinggi adalah tugas kerajaan sebagai memenuhi tanggungjawab pengembangan ilmu dan pemangkin ekonomi negara dengan penyediaan tenaga kerja mahir. Bagaimanapun, keperluan mendesak terhadap pendidikan tinggi menyebabkan kerajaan tidak mampu memenuhi permintaan tersebut atas berbagai alasan seperti kos yang tinggi dan kekurangan tenaga pengajar yang berkelayakan.

Sementara itu, sektor pendidikan telah dimasukkan sebagai salah satu sektor perkhidmatan dalam General Agreement on Trade and Services (GATS) dalam World Trade Organisation (WTO). Ia memberi implikasi bahawa sektor pendidikan terdedah kepada persaingan yang sengit sehingga melangkaui sempadan negara. Perkembangan-perkembangan tersebut sekaligus mengubah tradisi pendidikan tinggi apabila kerajaan bukan lagi penyedia tunggal perkhidmatan tersebut, malahan terpaksa bersaing atau menyerahkan kepada sektor swasta dalam dan luar negara. Akhirnya pendidikan telah menjadi barang dagangan yang menguntungkan.

Tanpa menafikan kepentingan pendidikan terutamanya dari sudut ekonomi, kertas kerja ini ingin mengingatkan bahawa sekiranya perubahan-perubahan dalam sektor tersebut tidak ditangani dengan teliti, pemesongan akan berlaku. Halatuju universiti khususnya dalam mempertahankan integriti sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan medan mencari kebenaran mungkin bertukar. Laporan UNESCO(2003) yang bertajuk Higher Education in Globalized Society mencadangkan agar diwujudkan satu garis panduan kepada IPT dalam menangani perubahan-perubahan ini. Sebagai respon kepada laporan tersebut, kertas kerja ini menegaskan kepentingan peranan nilai dan etika untuk memastikan universiti berada pada landasan yang betul. Tujuan ini akan terhasil dengan mengimbas kembali tradisi keilmuan Islam yang pada suatu ketika dulu pernah mencapai kemuncak dalam ketamadunan dunia.

A. Pendahuluan

Perbahasan mengenai pendidikan kini banyak diperkatakan dalam berbagai perspektif dan isu. Tidak ketinggalan juga isu-isu semasa yang memerlukan gandingan dimensi di antara aspek pendidikan dan unsur-unsur keagamaan. Malaysia pernah merencanakan konsep penerapan nilai-nilai Islam sebagai dasar kerajaan yang juga bersangkutan dengan falsafah pendidikan negara yang beraspirasi demikian. Ia juga merujuk kepada lima perkara dalam Rukun Negara [RN] sebagai tunggak dasar bagi negara. Perkara pertama dalam RN adalah 'Kepercayaan Kepada Tuhan', sementara Falsafah Pendidikan Negara menyebut kedudukan Tuhan dan aspek kerohanian dengan jelas sekali.

B. Latarbelakang Isu Dan Persoalan.

Institusi pendidikan masa kini mengalami perubahan yang ketara dan menjadi semakin kompetitif terutama dalam era globalisasi. Sektor pendidikan memang mempunyai kaitan langsung dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Penubuhan sesebuah universiti terutamanya mempunyai matlamat yang besar khususnya dalam membangunkan modal manusia yang akan menjadi aset utama dalam pembangunan negara. Hubungan antara modal manusia dengan pembangunan ekonomi negara memang telah diketahui umum dengan banyak kajian yang dijalankan menunjukkan individu yang memiliki tahap pendidikan lebih baik mempunyai keupayaan untuk menangani perubahan teknologi dan persekitaran yang seterusnya memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi. Dengan kata lain modal manusia merupakan penentu penting untuk produktiviti buruh dan pertumbuhan output sesebuah negara (Tsu-Tan Fu et.al, 2002) Seterusnya tahap pendidikan mempunyai kaitan yang rapat dengan status sosioekonomi kerana individu yang memiliki tahap pendidikan tinggi biasanya memperolehi pekerjaan yang baik. Oleh yang demikian permintaan terhadap pendidikan tinggi berkembang pesat dan mengalami perubahan mendadak.

Secara tradisinya, pendidikan tinggi disediakan oleh kerajaan sebagai memenuhi tanggungjawab pengembangan ilmu dan pemangkin ekonomi negara dengan menyediakan tenaga kerja mahir. Bagaimanapun, permintaan yang tinggi terhadap pendidikan tinggi menyebabkan kerajaan tidak mampu memenuhi permintaan tersebut atas berbagai-bagai alasan seperti kos yang tinggi dan kekurangan tenaga pengajar yang berkelayakan.

Kekurangan sumber terutamanya sumber kewangan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh IPT terutamanya di negara membangun. Kebanyakkan IPTA bergantung kepada geran kerajaan sebagai sumber pendapatan utama. Kerajaan telah memperuntukkan sebahagian besar perbelanjaan awam kepada sektor pendidikan. Di Malaysia misalnya perbelanjaan pendidikan mencecah sehingga 25% daripada perbelanjaan awam. Perbelanjaan ini sentiasa bertambah setiap tahun memandangkan enrolmen pelajar yang semakin meningkat. Secara purata IPTA di Malaysia menerima kemasukan pelajar kira-kira 95 000 setiap tahun iaitu peningkatan hampir tiga kali ganda berbanding tahun-tahun 1980an (UNESCO, 2003b).

Bagaimanapun peruntukkan kerajaan adalah terhad serta tidak mampu menampung perbelanjaan yang tinggi dan semakin meningkat. Banyak kerajaan termasuk negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom mengurangkan peruntukan kepada IPTA. Pada awal 1990an misalnya, terdapat beberapa buah universiti di Amerika Syarikat mengalami pengurangan peruntukan sehingga 35 peratus. Pengurangan peruntukan ini menyebabkan universiti tersebut mengurangkan gaji kakitangan dan menaikkan yuran (Owlia dan Aspinwall, 1997). Universiti awam digesa mencari sumber pendapatan sendiri melalui penubuhan syarikat subsidiari, menawarkan kursus, seminar, konferen dan mengkomersilkan penyelidikan dan juga mendapat geran daripada pihak swasta untuk menampung sebahagian perbelanjaan IPT (Musa Mohamad, 2001).

Memandangkan sektor pendidikan mempunyai nilai komersil dan menguntungkan maka ia telah menarik minat sektor swasta untuk terlibat sama dalam menubuhkan institusi pengajian tinggi.

Sektor pendidikan telah dimasukkan sebagai salah satu sektor perkhidmatan dalam General Agreement on Trade and Services (GATS) dalam World Trade Organisation (WTO) yang memberi implikasi bahawa sektor pendidikan bebas diniagakan dengan kawalan yang minimum. Berbeza dengan fungsi tradisinya sebagai barangan awam yang menjadi hak masyarakat yang dikawal oleh kerajaan. Dengan itu, sektor pendidikan terdedah kepada persaingan pasaran yang sengit sehingga melangkaui sempadan negara. Perkembangan-perkembangan tersebut sekaligus mengubah tradisi pendidikan tinggi apabila kerajaan bukan lagi penyedia tunggal perkhidmatan pendidikan tinggi tetapi terpaksa bersaing dengan sektor swasta dalam dan luar negara.

Perniagaan dalam sektor pendidikan bukanlah perkara baru, khususnya malah bagi sesetengah negara seperti Australia dan Kanada ia bermula seawal 1970an lagi. Manakala bagi Amerika Syarikat dan United Kingdom ia berkembang pesat sejak 1980an. Sehingga kini ia terus meningkat dengan Amerika Syarikat merupakan pengeksport utama perkhidmatan pendidikan, mencatatkan nilai dagangan tertinggi, melebihi USD 10 billion pada tahun 2000. Sektor pendidikan tinggi ternyata berupaya memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi sesebuah negara. Di kalangan negara-negara OECD sahaja, nilai pasaran sektor tersebut dianggarkan sebanyak USD 30 billion iaitu kira-kira 3 peratus daripada keseluruhan sektor perkhidmatan (Kurt Larsen et.al, 2002).

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka serta komited dengan WTO, Malaysia memberi ruang yang luas kepada perubahan tersebut. Pindaan Akta Pendidikan 1996 dan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 1996 merupakan titik tolak kepada perubahan sistem pendidikan tinggi negara. Sejak itu IPTS tumbuh dengan mendadak. Sehingga tahun 2002 sahaja terdapat 605 buah institusi pengajian tinggi dengan 35 daripadanya adalah universiti (UNESCO, 2003b).

Seterusnya, Malaysia giat mempromosikan sektor pendidikan sehingga ke peringkat antarabangsa dengan berhasrat menjadi *hypermarket* yang menawarkan pelbagai kursus kepada pelajar luar negara khususnya daripada negara-negara membangun. Malaysia

berhasrat menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini dengan menjangkakan berupaya menarik 50,000 pelajar asing menjelang tahun 2010 yang akan menyumbang pendapatan sebanyak RM3 billion setahun. Malaysia mempunyai kelebihan memandangkan kos pengajian di Malaysia yang dianggarkan 30% lebih murah daripada Singapura dan negara-negara lain di rantau ini.

Bilangan pelajar asing di Malaysia meningkat dengan begitu ketara dalam tempoh tidak sampai 10 tahun. Pada tahun 1996 jumlah pelajar asing adalah sebanyak 5565 orang. Bagaimanapun jumlah ini meningkat hampir lima kali ganda pada tahun 2002 dengan jumlah pelajar mencecah 26,466 orang. Sebahagian besar pelajar tersebut berasal daripada China dan Indonesia. Malaysia berjaya menjana pendapatan kira-kira RM 500 juta setahun (UNESCO,2003b). Kesimpulannya pendidikan telah menjadi satu komoditi perdagangan yang menguntungkan.

Perdagangan dalam sektor pendidikan ini mencetuskan kebimbangan banyak pihak. Isu ini masih baru khususnya dalam konteks liberalisasi perdagangan dan WTO tetapi ia mula mendapat perhatian terutamanya di peringkat antarabangsa. UNESCO dan OECD serta beberapa pertubuhan pendidikan luar negara seperti American Council on Education (ACE) dan AUCC Canada giat memantau isu ini dengan menganjurkan seminar, forum dan menerbitkan artikel-artikel yang berkaitan¹.

C. Isu dan Persoalan Kritikal

Isu utama yang dibangkitkan ialah berkenaan dengan ekuiti dan falsafah pendidikan, kawalan kualiti, nilai dan etika serta persoalan akademia. Secara umumnya institusi pendidikan ditubuhkan untuk melahirkan generasi yang mempunyai daya intelektual, kreativiti dan kebolehan. Ia bertujuan memupuk pembangunan personaliti sehingga mencapai tahap kesempurnaan dalam aspek mental, fizikal, sosial, moral kerohanian dan keagamaannya (Kamarudin,1989).

IPT memikul tanggungjawab yang besar dalam menghasilkan generasi yang berguna. Setiap lapisan masyarakat meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap IPT untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Graduan yang dilahirkan perlu memenuhi ciri-ciri yang memenuhi kehendak pasaran kerja yang antara lain seperti berikut (Harvey dan Green,1994):

- Berpengetahuan
- Mempunyai keupayaan intelektual
- Boleh bekerja dalam organisasi moden
- Mempunyai kemahiran interpersonal
- Boleh berkomunikasi dengan baik

Sementara itu, industri dalam era globalisasi perlu menghasilkan produk baru yang kreatif dan inovatif untuk kekal bertahan maka ia memerlukan sekumpulan pekerja yang

¹ Contohnya www.acunet.edu , www.oecd.org dan www.unesco.org.

berkebolehan menggunakan pengetahuan dalam pelbagai keadaan. Ini bermakna pendidikan tinggi perlu melahirkan pelajar yang:

- Berkebolehan menghasilkan idea baru
- Berupaya memikir dan membuat kelainan
- Berkebolehan memikir dan membuat sesuatu yang baru

Persoalannya apakah institusi pengajian tinggi swasta mampu memikul tanggungjawab ini? Perniagaan, walau dalam keadaan apa sekalipun tetap bermotifkan keuntungan dan meminimumkan kos. Dibimbangi matlamat mengejar keuntungan lebih diutamakan berbanding memenuhi tanggungjawab pendidikan dengan mengorbankan kualiti pendidikan yang ditawarkan. Kebimbangan ini memang ada asasnya apabila merujuk kepada situasi yang berlaku di Malaysia. Lebih 100 buah IPTS telah dihentikan operasinya oleh Kementerian Pendidikan kerana gagal menyediakan pendidikan yang berkualiti.

Membiarkan pendidikan dikawal oleh sistem pasaran juga mendedahkan IPT kepada dilema moral dan etika. Sebahagian besar daripada sumber pendapatan utama IPT adalah daripada yuran pelajar. Ini bermakna pelajar mempunyai kuasa permintaan yang boleh mempengaruhi sektor pendidikan. Lebih membimbangkan apabila ia turut mempengaruhi pembuatan keputusan IPT terutamanya berhubung dengan persoalan akademik. Dalam sesetengah keadaan IPT mungkin tunduk kepada tekanan dan kehendak pelajar. Maka tidak mustahil akan menggunakan 'markah' untuk mengumpul pelajar demi memastikan survival universiti.

Tanpa menafikan kepentingan pendidikan terutamanya dari sudut ekonomi, kertas kerja ini ingin mengingatkan bahawa sekiranya perubahan-perubahan dalam sektor tersebut tidak ditangani dengan teliti, pemosongan akan berlaku. Halatuju universiti khususnya dalam mempertahankan integriti sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan medan mencari kebenaran mungkin bertukar. Laporan UNESCO(2003) yang bertajuk *Higher Education in Globalized Society* mencadangkan agar diwujudkan satu garis panduan kepada IPT dalam menangani perubahan-perubahan ini. Sebagai respon kepada laporan tersebut, kertas kerja ini menegaskan kepentingan peranan nilai dan etika untuk memastikan universiti berada pada landasan yang betul. Tujuan ini akan terhasil dengan mengimbas kembali tradisi keilmuan Islam yang pada suatu ketika dulu pernah mencapai kemuncak dalam ketamadunan dunia.

D. Perspektif Islam Mengenai Persoalan.

Pendidikan mendapat tempat paling tinggi dalam konteks tamadun Islam. Ayat pertama al-Quran serta hadis-hadis Rasulullah [s.a.w.] menyatakan dengan jelas kepentingan ini seperti yang telah dihuraikan dalam kitab-kitab muktabar para ulamak Islam seperti kitab *Ihya' Ulumiddin* oleh al-Ghazali. Sejarah Islam seperti reputasi Baghdad sebagai bandar ilmu ternyata menjadi penghubung dunia barat [Eropah] dan timur [China] hingga mengglobalisasikan ilmu malah meuniversalkannya. Bandar Venice dan Melaka sebagai contoh, berdaya *internasional* melalui peranan bandar Baghdad ini. Melaka juga mendapat nama dari peranannya sebagai 'tempat bertemu' [*malaqat*] bagi Islam dan

China. Institusi-institusi penyelidikan, pengajaran, perpustakaan, dialog dan proses pengadunan ilmu [*syncretisation*] dicernakan oleh Baitulhikmah di Baghdad.

Ayat pertama al-Quran juga mengaitkan mencari ilmu dalam konotasi '*dengan nama Allah*' sebagai orientasi malah makna ilmu itu sendiri. Ilmu dirujuk kepada sektor efektif [hati] sementara maklumat adalah di peringkat kognatif [akal] semata-mata. Dalam konteks kertas ini, aspek penting yang menjadi falsafah pendidikan ialah konsep ilmu itu sendiri yang di jelaskan sebagai sifat Allah [s.w.t.]. Ia dianugerahkan oleh Allah dari sifatNya 'Yang Maha Mengetahui' [*Aliim*] kepada manusia pertama iaitu Rasul Adam [a.s.] dan seterusnya dikembangkan oleh manusia generasi demi generasi. Dengan itu ilmu adalah sesuatu yang suci [*sacred*] dan merujuk kepada kemuliaan Allah (lihat *Nasr, [1981]*). Ia adalah milik Allah dan berupaya menjadikan manusia layak memikul amanah yang tidak sanggup dipikul oleh langit, bumi dan bukit-bukit [Q-33:72], menjadi khalifah khalifah Allah [Q – 2:30] serta mewarisi tugas para nabi-nabi [maksud hadis]

Tradisi keilmuan adalah tidak ada tolak bandingnya dalam sejarah Islam (lihat *Shalaby, (1976) juga Shariff, 1983*). Ia telah mencetuskan revolusi keilmuan[perindustrian] di Barat melalui Renaissance . Kawasan-kawasan negara Islam telah menumbuhkan pusat-pusat ilmu dan sains yang mana jika kuasa politik Islam tidak dihancurkan [seperti kerajaan Abbasiyah di Baghdad], maka cetusan revolusi ilmu dan perindustrian tentunya di negara-negara orang Islam khususnya Timur Tengah / Asia Barat. Keupayaan ini sudah tentulah bukan sahaja bergantung kepada penaungan politik Islam, tetapi berkaitan rapat juga dengan falsafah ilmu, penghayatan dan tradisinya yang tersendiri.

Dalam konteks falsafah, integriti dan aspirasi, tamadun Islam telah membentuk satu fenomena 'hadharah' atau 'hadhariyyah' dalam bidang keilmuan sebagaimana diakui oleh barat dengan istilah '*civilisational Islam*', walau pun mereka menyisihkan akidah, kesufian, ketauhidan, dan aspek hukum dan perundangan Islam. Konsep Barat ini menyesatkan kerana keilmuan terbangun dengan bersifat '*integrative*' bersama-sama dengan dasar akidah, tatacara syariat dan nilai-nilai akhlak. Dalam konteks ini beberapa ciri berikut boleh menggambarkan kosmologi pendidikan tinggi dalam Islam;

1. *Tradisi transenden.*

Ciri ini merujuk ilmu sebagai wahyuan dari Allah dan anugerahNya dengan sumber utamanya al-Quran dan sunnah. Ilmu wahyu menarafi ilmu primer dan bersifat mutlak. Sementara ilmu-ilmu hasilan dari kemahiran manusia [*acquired knowledge*] mestilah berkeselarian atau sepadu dengan ilmu wahyu [*revealed knowledge*]. Sifat sekular [pemisahan] atau teori kesaimbangan [*balance*] dalam istilah moden tidak menepati ciri ini.

2. *Amanah Allah*

Ciri ini membentuk sifat dan ciri-ciri pemilik ilmu yang memikul tanggungjawab ilmu, mengembang dan menggunakannya sebagai amanah Allah yang mempunyai signifikan

keakhiratan. Proses pendidikan itu sendiri adalah usaha untuk menterjemahkan sifat Allah dalam kehidupan manusia. Penerima ilmu akan menjadi orang yang semakin takutkan Allah [maksud Q -35:28]. Memperdagangkan ilmu dalam konteks benar-benar bersifat 'komersial' adalah bertentangan dengan falsafah, integriti dan aspirasi ini. Kecacamerbaan [lihat *Ungku Aziz – temuramah*] dalam pendidikan mungkin bertitik tolak dari korupsi ini.

3. Sifat Sepadu

Ilmu dan pendidikan dalam Islam bersifat sepadu. Ia diwajahkan dengan konsep klasifikasi ilmu [*maratib al-ulum*] dalam Islam dengan hairarki yang jelas dan berkait (lihat *Yusoff, Yaacob 1985*). Ilmu-ilmu keagamaan [e.g. Tauhid, Akidah, Sirah dll] adalah ilmu teras dan dasar, bukan semata-mata pengajian liberal bertaraf 'complementary'. Ia bertaraf 'core' bukan 'co'. Ilmu-ilmu berkaitan dengan fenomena alam [sains] disebut oleh sehingga lebih kurang 1000 ayat-ayat al-Quran yang memberi makna al-Quran juga adalah 'buku' ' asas sains. Tanggapan al-Quran sebagai kitab agama semata-mata dan untuk matapelajaran Pengetahuan Agama Islam sahaja adalah suatu tragedi.

4. Institusi Sebagai Pemimpin

Imej ilmu dalam Islam disebut sebagai cahaya [*nur*] yang mengeluarkan manusia dari kegelapan [*zulumat*]² Dalam tradisi Melayu Islam, ia diungkapkan dengan frasa 'ilmu adalah pelita, ilmu memimpin' dan lain-lain. Dengan itu institusi pendidikan adalah rujukan dan mekanisma cahaya dan kepimpinan. Para cendikiawannya adalah pimpinan ilmu kepada masyarakat yang harus bebas **mengajar, menyelidik dan bersuara** [khidmat masyarakat] untuk rujukan seluruh sektor masyarakat termasuk sektor politik. Ilmu adalah memimpin politik, bukannya politik menentukan jenis dan gaya ilmu. Mempolitikkan kampus, menghadkan suara pensyarah malah pelajar dan menafikan dialog terbuka dan profesional adalah tragedi. Apatah lagi kalau institusi ilmu menjadi 'kuda tunggangan' untuk tujuan promosi politik dan status peribadi. Ia terlalu jijik dan memualkan.

5. Kemuliaan profesion keguruan

Ciri ini tidak menafikan kemuliaan profesion lain dalam kehidupan moden ini, tetapi profesion-profesional lain itu turut menjadi mulia dengan kewujudan keilmuan atau bertindak di atas ilmu. Para ulamak Islam telah memastikan dirinya menepati konsep keguruan sebelum bertindak mengajar dan mendidik. Persoalan gaji / bayaran menjadi politik tetapi ia diselesaikan dengan rujukan kepada hadis Rasulullah yang meminta seseorang pekerja dibayar upah sebelum peluhunya kering. Bayaran adalah kepada tenaga, masa dan pengorbanan-pengorbanan lain yang dilakukan, bukan harga atau nilai ilmu yang disampaikan. Kemuliaan profesion guru adalah merujuk kepada peranan pengilmuan [bukan pemakluman], dan jika ada salah laku dalam profesion ini, ia akan menjadi 'kejahatan / musibah' kepada masyarakat seperti istilah '*ulamak us suk*' [bijak pandai kejahatan] yang dibimbangi oleh Rasulullah. Apakah profesion pensyarah dan

² Terdapat 42 ayat dalam konotasi ini antaranya dalam Surah 2:257,5:15, 6:1 dan 7:157

guru sekarang merujuk kepada konotasi ini atau berorientasikan kebendaan dan pemakluman semata-mata.

E. Strategi Filosofikal Dan Esekutif Menangani Persoalan

Lima konotasi di atas seharusnya menjadi bukan sahaja maklumat dan ilmu, malah sebagai strategi dan sistem nilai bagi menjamin falsafah, integriti, dan aspirasi ilmu kini supaya tidak tergelincir dari landasan Islam dan kerangka profesionalism. Contoh-contoh mudah dan realistik dalam konteks ini boleh diwacanakan lagi melalui cadangan-cadangan berikut:

1. Mengembalikan kedudukan transenden ilmu dalam pentadbiran pendidikan, perancangan kurikulum dan pelaksanaan pengajaran, malah *'benchmark'* dalam pengukuran atau penilaian. Konsep Islamisasi ilmu yang pernah diketengahkan dulu boleh dipulihkan semula. Ilmu agama mestilah ditempatnya yang bersifat teras dan paksi atau *fundamental*. Ia seharusnya diterjemahkan secara praktikal dengan mengambil kira situasi dan realiti semasa dan lokal.
2. Konotasi ilmu sebagai amanah Allah [bukan komoditi dagangan] mestilah diwacanakan lagi oleh pemikir-pemikir masyarakat yang berwibawa dan diinstitusikan sebagai satu dasar dan rujukan dalam semua aspek kependidikan. Hatta para pentadbir sektor bidang ilmu juga seharusnya menghormati konotasi ilmu, dimana lantikan bukan semata-mata di atas keupayaan mengurus institusi [administrative], tetapi kewibawaan ilmu [maklumat / ilmu dan penghayatan] hendaklah diambil kira prioriti.
3. Pentadbir dan institusi mengembalikan semula tradisi ilmu Islam dengan pendekatan bersama oleh agama-agama lain. Pemeraksanaan ini mestilah disokong oleh semua termasuk pihak berkuasa politik untuk mendapat laluan dan kepimpinan. Pihak pengusa politik mestilah mengambil kira tradisi ini dalam lantikan pengurus pendidikan, pembinaan institusi, pembentukan kurikulum, penubuhan bidang-bidang pengajian, kebenaran penubuhan institusi swasta dan lain-lain.
4. Pengawasan dan pemantauan penubuhan institusi hendaklah merujuk kepada tradisi ilmu yang sebenar. Usaha-usaha yang menampakkan penyelewengan dari tradisi ini boleh dilihat sebagai satu kesalahan. Tradisi ini juga mestilah menjadi piawai di samping piawai fizikal, kewangan, nilai sosial, persekitaran dan lain-lain yang diguna pakai untuk kelulusan. Tradisi ilmu yang sebegini bukan sahaja terhad dalam aspek akademik [hal ehwal akademik] juga dalam pembinaan saksiah pelajar [hal ehwal pelajar]. Budaya-budaya rendah seperti unsur-unsur *'glamourism'* hiburan melampau, dan kegilaan status atau keceriaan tidak berhalatuju tidak seharusnya dibiar. Kalau pun ada sebagai suatu kecenderungan, ia mesti diolah dalam kewujudan minima dan dipimpin oleh ilmu.

5. Pemurnian profesion keguruan seharusnya dibuat berdasarkan falsafah di atas. Integriti mestilah di rujuk kepada kemurnian profesion; termasuk tujuan '[niat], aplikasi, malah perilaku yang profesional. Di sudut yang lain pula integriti keguruan mestilah dihormati dengan keanjalan yang lebih untuk menjadikan mereka ahli fikir dan pencipta ilmu, bukan sebagai robot pentadbiran dan pemindah ilmu semata-mata. Pengawalan salah laku segelintir mereka, jika pun ada, adalah sepatutnya secara spesifik dan fokus. Ia tidak seharusnya memberi kesan '*demotivating*' kepada orang lain. Hasil-hasil ciptaan dan karya mereka hendaklah dihormati dengan wacana dan dialog secara terbuka dan profesional, bukan dikreditkan atau didiskreditkan dengan kuasa pentadbiran semata-mata.

F. Penutup

Isu integriti, falsafah dan aspirasi dalam pengajian tinggi tidaklah semudah yang difikirkan secara sentimen peribadi. Pentadbiran terhadap isu-isu ini tidak boleh dilaksanakan secara '*horizontal*' dan administratif semata-mata. Faktor '*vertikal*' yang diterima oleh semua agama-agama besar hendaklah menjadi asas kepada pengendalian isu-isu ini.

Kehilangan falsafah akan melahirkan kecelaruan integriti dan ketiadaan aspirasi. Jika ini belaku faktor-faktor horizontal dan fizikal akan mengambil alih dan dengan sendiri ilmu tidak menarafi ilmu yang membawa kebenaran, sebaliknya maklumat yang membebankan. Kacamata materialistik akan mengambil peluang ini dan dengan itu ilmu menjadi dagangan dengan mengalihkan fungsi ilmu ketaraf maklumat semata-mata. Pelajar dibeban dengan buku dan bahan, bukan dibentuk berfikir dan mencipta hasilan.

Kebimbangan ini tidaklah menganggap keadaan sekarang sudah terlewat. Tetapi pengecaman bibit-bibit ini penting untuk tidak membiarkannya menjadi parah. Graduan yang kita nanti-nantikan ialah mereka yang cerdas akalunya [bukan kuat memorinya], mulia perilakunya [bukan tangkas tindakannya], dalam airmatanya ada keinsafan [bukan penyesalan atau kegembiraan melampau], malah dalam dirinya ada '*ringan tulang*' [bukan perkhidmatan bersembilukan bayaran].

Kertas ini meminta sidang wacana ini meneruskan perbahasan dengan kritikan, teguran, pernyataan periiman bukan sekadar perihatin terhadap cara dan gaya kertas ini juga isu-isu yang diketengahkannya. Moga-moga dengan itu ia akan menjadi '*input*' untuk pihak-pihak pengurusan di semua peringkat untuk lebih bersifat intrinsik dan profesional.

*Desa Ilmu, Kota Samarahan
28 Ramadhan 1425 / 11 November 2005.*

Rujukan dan Bibliografi:

AlQuranul Karim

Harvey, L. dan Green, D. (1994) *Employer Satisfaction*, QHE: Birmingham.

Jeroen Singels, Gwenny Ruel dan Henny van de Water (2001), ISO 9000 Series-Certification and Performance, *International Journal of Quality and Reliability Management*, Vol.18. No. 1.

Kamarudin Hj. Kachar (1989), *Pendidikan dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn Bhd.

Kurt Larsen, John P. Martin, and Rosemary Morris (2002) *Trade in Educational Services: Trends and Emerging Issues*, OECD: Geneva

Mohd Taib Osman (2004), *Universiti dan Tradisi Kecemerlangan*, Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Musa Mohamad (2001), *Seminar on Corporate Governance for Board Members of Public Universities-Towards Excellence in Corporate Governance*, 29-30 September 2001, Ucapan Perasmian.

Nasr, S.H. (1968) *Science and Civilisation In Islam*, Cambridge : Harvard University Press.

Nasr, S.H. (1981) *Knowlwdge and The Sacred* {The Oxford Lectures} . Edinburgh: Edinburgh University Press.

Owlia, Mohammad S, dan Aspinwal, Elaine M.(1997), TQM in Higher Education-A Review, *International Journal of Quality and Reliability Management*, Vol 14, Issue 5. MCB University Press.

Shalaby, Ahmad, (1976), *Sejarah Pendidikan Islam* , Singapura: Pustaka Nasional

Shariff, M.M. [Ed.] (1963) , *History of Muslim Philosophy 1 & 2* . Wiesbaden: Pakistan Philosophical Congress

Tsu-Tan Fu et.al (2002) (eds), *Productivity and Economic Performance in the Asia Pacifics Region*, Edward Edgar Publishing Limited: United Kingdom.

UNESCO(2003a) *Higher Education in Globalized Society*, Commonwealth of Learning and UNESCO: United Kingdom

UNESCO (2003b), *The Role of Transnational, Private, and For-Profit Provision in Meeting Global Demand for Tertiary Education: Mapping, Regulation and Impact Case Study Malaysia*, Commonwealth of Learning and UNESCO: United Kingdom

Universiti Teknologi Mara (2002), *Matlamat dan Strategi Pengukuhan Akademik UiTM*, Hal
Ehwal Akademik UiTM: Shah Alam.

Yusoff, Y. B. (1985) *The Classification of Sciences In Islamic Thought* . [Thesis Sarjana
di Fakulti Sastera [Faculty of Arts], University of Birmingham]

Abdul Jabbar Abdullah

Pensyarah Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Sarawak

Tel: 013-8168136 / 082-678562 Fax: 082-672155

E-mel: abdjabbar@sarawak.uitm.edu.my & abd_jabbar2002@yahoo.com

Kelulusan: BEc (Hons), Master of Public Administration, Universiti Malaya.

Bidang penyelidikan: Ekonomi Polisi dan Pembangunan khususnya dalam Pembangunan Industri, Globalisasi dan Perdagangan Antarabangsa, Pengurusan Kualiti.

Prof. Madya Dr. Yaacob bin Yusoff Awang

Pensyarah CITU [Centre of Islamic Thought and Understanding - UiTM

Tel : 0193891094[h/s] / 03 55105940[r + fax], 082 677615[p], 082 672 155 Fax pej.]

E-mail ; Yaacobyusoff173@hotmail.com

Kelulusan : Ph. D. [Kurikulum] M.A. [Falsafah Sains] B.A. [Tamadun Islam]

Bidang penyelidikan : Pendidikan , tamadun, falsafah sains, dan etika / nilai.